



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU
MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM TREASURE HUNT
HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**13 FEBRUARI 2016 (SABTU)
DATARAN MERDEKA, KL**

Bismillahir Rahman Nirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**YB Dato' Seri Ahmad Razif bin Abdul Rahman,
Menteri Besar Terengganu**

**YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikshan,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Y.Bhg Dato' Haji Osman bin Muda,
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu**

**Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian,
Serta para pegawai kanan Kementerian**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen dari Wilayah
Persekutuan,**

**Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian,
Serta para pegawai kanan Kementerian**

**Para Dif-Dif Kehormat yang saya muliakan dan rakan-rakan
media.**

**Hadirin-hadirat, tuan-tuan dan puan-puan, peserta-peserta
yang saya hormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, dapat kita bersama-sama berhimpun di Program Treasure Hunt bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.

2. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih dengan kehadiran Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Terengganu YBhg. Dato' Seri Ahmad Razif bin Abdul Rahman ke program ini yang buat julung kali diadakan merentasi sempadan Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

3. Untuk makluman, Program Treasure Hunt Hari Wilayah Persekutuan 2016 ini merupakan program Treasure Hunt kali ke-2 diadakan yang melibatkan kolaborasi dan kerjasama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.
4. Program pada hari ini juga diadakan selama 2 hari iaitu bermula 13 Februari 2016 di Dataran Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sebagai lokasi permulaan dan berakhir pada 14 Februari 2016 di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian:

5. Penyertaan program Treasure Hunt ini dibuka kepada 2 kategori iaitu Pertama, Kategori Terbuka dikhususkan kepada semua warga negara Malaysia. Manakala Kategori Kedua, dikhaskan kepada pegawai serta kakitangan Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi dibawahnya serta pihak media. Ia menawarkan hadiah kemenangan keseluruhan melebihi RM 30,000.00.

6. Program ini juga mengehadkan penyertaan seramai 200 pasukan sahaja. Setiap pasukan ini diwakili oleh 4 orang dan jumlah penyertaan keseluruhan adalah seramai 800 orang.
7. Untuk makluman semua, bermula daripada program ini dihebahkan kepada umum, ternyata sambutannya amat menggalakkan iaitu dengan penglibatan daripada pelbagai Kementerian dan Agensi di Wilayah Persekutuan, penyertaan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), UNIRAZAK, Persatuan Alumni Fakulti Sukan dan Rekreasi UiTM, EPANCO, dan Majlis Belia Malaysia Wilayah Persekutuan.
8. Sesungguhnya ia adalah tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada program-program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan.
9. Syabas juga saya ucapkan kepada semua gerak kerja, Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam merealisasikan program ini dengan baik sekali.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

10. Saya bersyukur kepada Ilahi kerana program ini dapat direalisasikan dengan hasil usaha dan kerjasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu.
11. Tujuan utama program ini dilaksanakan, adalah untuk memperkenalkan bendera Wilayah Persekutuan dan sebagai satu medium untuk mewar-warkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Di samping itu juga menyokong usaha dalam mempromosikan program Tahun Melawat Negeri Terengganu pada tahun 2016.
12. Sebagai usaha memupuk nilai rasa sayang ataupun rasa kepunyaan kepada Wilayah Persekutuan dan Negeri Terengganu, soalan-soalan Treasure Hunt Hari Wilayah Persekutuan 2016 juga adalah berkait rapat serta berkisar mengenai maklumat berkaitan Wilayah Persekutuan, Negeri Terengganu dan soalan-soalan umum.
13. Laluan Treasure Hunt Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2016 juga ditumpukan kepada lokasi yang menjadi tumpuan umum orang awam. Bermula dari

Dataran Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur menuju ke Lebuhraya Karak melalui Negeri Pahang dan masuk Ke Lebuhraya Pantai Timur 2 serta berakhir di Kuala Terengganu. Ianya memberi peluang kepada peserta-peserta untuk mengenali Wilayah Persekutuan dan Negeri Terengganu dengan lebih dekat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

14. Kita amat beruntung kerana Malaysia sentiasa dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan program sebegini dengan selesa, beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan dan kerjasama. Sehubungan itu, soal perpaduan ini perlu sentiasa dijaga dengan baik; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara. Program Treasure Hunt ini juga menunjukkan perpaduan dan kesatuan sesama kita.

15. Di kesempatan ini, saya ingin memaklumkan bahawa Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Februari setiap tahun. Tema Sambutan Hari Wilayah pada tahun ini adalah ‘Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera’. Pemilihan tema ini bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah

Persekutuan yang ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan hanya dapat dicapai sekiranya kita dapat memastikan supaya semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan dapat diperteguhkan.

16. Perayaan Hari Wilayah Persekutuan disambut setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan ini merupakan gabungan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sejak wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004. Tahun ini adalah merupakan sambutan yang ke-12.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

17. Akhirnya, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan Kerajaan Negeri

Terengganu yang telah merealisasikan Program Treasure Hunt Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2016.

18. Harapan saya agar kerjasama sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.
19. Saya juga berhasrat, supaya kolabiasi dengan Kerajaan Negeri Terengganu dapat diteruskan dalam aspek lain, seperti melihat Kaedah Pengurusan Banjir Negeri Terengganu yang telah dijadikan penanda aras untuk pengurusan bencana banjir seluruh negara. Ini bagi memastikan pengurusan banjir di Wilayah Persekutuan dapat yang dilaksanakan dengan sistematik dan teratur dalam persediaan menghadapi bencana banjir di masa akan datang.
20. Sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Program Treasure Hunt Hari Wilayah Persekutuan 2016.
21. Semoga usaha gigih dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua pihak tidak terhenti di sini tetapi secara

berterusan dan sentiasa ditingkatkan untuk memastikan Wilayah yang kita cintai ini terus ceria dan harmoni.

22. Sekian, **WABILLAHITEAUFIK** **WALHIDAYAH**
WASSALAMUALAIKUM **WARAHMATULLAHI**
WABARAKATUH.

23. Terima kasih.